



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## KENYATAAN MEDIA

# FIM2024 CATAT POTENSI PELABURAN PERNIAGAAN FRANCAIS RM716 JUTA

---

**Putrajaya, 14 Jun** – Sejumlah RM716 juta potensi pelaburan perniagaan francais telah dicatat sempena Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2024 (FIM2024) kali ke-31 yang berlangsung pada 30 Mei hingga 1 Jun 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata pencapaian ini merupakan hasil penawaran pakej perniagaan daripada lebih 100 buah syarikat francais tempatan dan luar negara. FIM2024 kali ini disertai oleh 16 syarikat francais dari luar negara yang terdiri daripada Arab Saudi, Australia, China, Filipina, India, Jepun, Korea Selatan, Singapura dan Thailand.

Tambah beliau, FIM2024 merupakan platform terbaik penggiat industri untuk mempromosikan pakej perniagaan francais dan mengembangkan perniagaan di dalam dan luar negara melalui hasil perbincangan strategik dengan bakal francais dan pelabur yang hadir.

Bertemakan *From Network to Net Worth in Franchising*, FIM2024 memberi fokus bukan sahaja kepada perluasan perniagaan francais ke peringkat global malah pemantapan pengukuhan ekonomi di dalam negara. FIM2024 juga telah berjaya menarik minat usahawan tempatan dan asing untuk menceburi bidang perniagaan francais sebagai cabang

pertumbuhan ekonomi. Ini dibuktikan menerusi sambutan luar biasa dengan kehadiran lebih 30 ribu pengunjung dengan peningkatan sebanyak 50 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) juga ingin memaklumkan bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Konfederasi Francais Asia Pasifik (APFC) yang disertai oleh 22 negara asing dan Mesyuarat Tahunan Majlis Francais Dunia (WFC) bermula 27 hingga 29 Mei 2024.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**14 JUN 2024**